

MAHATHIR

DARI ANNE KOH

TOKYO, 6 NOV. (BERNAMA) — MALAYSIA TELAH MEMBAYANGKAN KEPADA JEPUN TENTANG PERLUNYA DIKAJI SEMULA DAN DIATASI MASALAH YANG MELIBATKAN PERDAGANGANNYA DENGAN JEPUN PERIKUTAN DENGAN KENAIKAN NILAI MATWANG YEN BERBANDING DENGAN RINGGIT MALAYSIA DAN DOLLAR AMERIKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI MASALAH KEMEROSOTAN NILAI RINGGIT DAN DOLAR BERBANDING DENGAN MATAWANG YEN TELAH MENJEJASKAN DENGAN SERIUSNYA SYARAT-SYARAT PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN JEPUN KERANA EKSPORT MALAYSIA KE NEGARA ITU MENGGUNAKAN DOLLAR AMERIKA.

KATANYA, MASALAH ITU JUGA MELIBATKAN KERJASAMA EKONOMI DUA HALA ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DI MANA PEMBAYARAN DIBUAT DALAM MATAWANG JEPUN.

+SAYA TELAH MEMBAYANGKAN KEPADA KERAJAAN JEPUN BETAPA PERLUNYA DIKAJI SEMULA DAN DISELESAIKAN MASALAH INI SUPAYA SUMBANGAN YANG BERKESAN DARI JEPUN TIDAK AKAN TERGUGAT AKIBAT MASALAH-MASALAH XXYANG TIMBUL DARI KENAIKAN NILA YEN, + TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR DALAM SATU SIDANG AKHBAR DI SINI.

MENJAWAB BEBERAHA SOALAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA MEMPUNYAI BEBERAPA IDEA TENTANG CARA-CARA MENGATASI MASALAH TERSEBUT. — BERSAMBUNG 1745/1B

MAHATHIR 2 TOKYO

BAGAIMANAPUN, OLEH KERANA MASALAH ITU MENGENAI EKSPORT MALAYSIA KE JEPUN YANG MENGGUNAKAN DOLLAR AMERIKA DAN KREDIT MALAYSIA DARI JEPUN PULA MENGGUNAKAN YEN, PERKARA ITU MELIBATKAN PERBINCANGAN YANG SERIUS DENGAN PAKAR-PAKAR.

KATANYA, BELIAU TELAH BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT YANG BERGUNA MENGENAI BERBAGAI PERKARA MENGENAI HUBUNGA DUA HALA ANTARA JEPUN DENGAN MALAYSIA DENGAN PERDANA MENTERI TAKEO FUKUDA, MENTERI LUAR SUNAO SONADA DAN MENTERI PERDAGANGAN ANTAAABANGSA DANPERUSAHAA TOSHIO KOMOTO.

BELIAU TELAH MENEKANKAN BAHAWA DENGAN BERTAMBAH ERATNYA HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA, SEMAKIN RAMAI HENDAKNYA RAKYAT DI KEDUA-DUA NEGARA ITU BERTUKAR-TUKAR LAWATAN SUPAYA MEREKA LEBIH MEMAHAMI ANTARA SATU DENGAN LAIN TERUTAMA SEKALI DI PERINGKAT ORANG-ORANG PERSEORANGAN.

YANG DEMIKIAN, TAMBAHNYA, PERLU LAH DIBUAT PENILAIAN KEATAS KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG ADA UNTUK PERTUKARAN LAWATAN SEPERTI ITU DAN MENILAI KEPERLUAN BAGI MNINGKAT DAN MELUASKAN KEMUDAHAN KEMUDAHAN TERSEBUT BAGI MEMBOLEHKAN LAWATAN -LAWATAN YANG LEBIH MUDAH DAN KERAP.

BELIAU BERKATA, DIBIDANG POLITIK, BELIAU TELAH BERTUKAR-TUKAR PENDAPAT DENGAN PARA PEMIMPIN JEPUN MENGENAI PANDANGAN-PANDANGAN TERHADAP KEAMANAN DAN KESELAMATAN DI RANTAU PASIFIK BARAT, TERUTAMA SEKALI MENGENAI PERUBAHAN-PERUBAHAN PESAT YANG TELAH BERLAKU TAHUN INI. — BERSAMBUNG 1840/1B

MAHATHIR 3 TOKYO

DATUK SERI DR. MAUATHIR BERKATA, BELIAU MERASA GEMBIRA BAHAWA PERDANA MENTERI JEPUN DAN MENTERI LUARNYA TELAH MENEGASKAN AZAM NEGARA ITU UNTUK MEMAINKAN PERANAN BAGI MEWUJUD DAN MENGEKALKAN KEAMANAN DAN KESABILAN ANTARABANGSA.

MENGENAI ROMBONGAN PELABURAN MALAYSIA KE JEPUN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, SEKTOR SWASTA JEPUN TELAH MEMBERIKAN SAMBUTAN YANG SANGAT MENGGAAKKAN KEPADA SEMINAR PENGGALAKAN PELABURAN YANG DIADAKAN DI SINI RABU LALU DAN SEMINAR MENGENAI PERUSAHAAN GETAH YANG DIADAKAN HARI INI.

KAANYA, DI SEMINAR-SEMINAR TERSEBUT BELIAU TELAH MEMBENTANGKAN LATAR BELAKANG YANG LENGKAP MENGENAI DASAR KERAJAAN MALAYSIA TERHADAP PELABURAN ASING DAN BERBAGAI LANGKAH YANG DIAMBIL BAGI MEMUDAHKAN USAHA-USAHA PELABURAN DI MALAYSIA KEPADA PARA PESERTA.

BELIAU JUGA TELAH MENGADAKAN PERTEMUAN SECARA BERASINGAN DAN PERSEORANGAN DENGAN KUMPULAN-KUMPULAN BAKAL PELABUR TERTENTU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH DIBERITAHU OLEH MEREKA TENTANG MINAT MEREKA UNTUK MELABUR DALAM PERUSAHAAN BARU YANG TERTENTU DAN MELUASKAN PERUSAHAAN YANG TELAH PUN BERJALAN DI MALAYSIA.

KATANYA, DUA ROMBONGAN JEPUN AKAN MELAWAT MALAYSIA TIDAK LAMA LAGI UNTUK MENINJAU KEMUNGKINAN KERJASAMA JEPUN.

SATU IALAH DARI DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN JEPUN DAN SATU LAGI DARI PERUSAHAAN GETAH JEPUN. — BERSAMBUNG 1845 IB
MAHATHIR 4 TOKYO

MENJAWAB SATU LAGI SOALAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA AKAN TERUS MENAGLU-ALUKAN PELABURAN ASING MASUK KE NEGARA ITU TERMASUK DARI JEPUN.

MENGENAI DASAR BUMIPUTERA, BELIAU MENJELASKAN INI ADALAH PERLU DALAM SEBUAH MASYARAKAT BERBAGAI KAUM BAGI MENGHAPUSKAN JURANG PERBEZAAN EKONOMI YANG MENJADI SALAH SATU PUNCA KETEGANGAN MASYARAKAT.

KATANYA, KETIKA MELAKSANAKAN DASAR TERSEBUT, BANYAK KESULITAN TELAH TIMBUL, YANG DEMIKIAN KERAJAAN ADALAH BERSIKAP FLEKSIBEL DAN BERSEDIA UNTUK MEMBENARKAN SYARIKAT-SYARIKAT ASING MENGAMBIL MASA BAGI MEMATUHI DASAR ITU. — BERNAMA 1850/IB